

LAMPIRAN B
SYARAT -SYARAT AM

I. PEMBERSIHAN

1. Tandas mesti sentiasa dalam keadaan **bersih dan berfungsi** dengan mencapai sekurang-kurangnya **4 bintang** bagi markah pengredan tandas awam. Pihak Majlis boleh datang membuat pemeriksaan pada bila-bila masa.
2. Membersih, mencuci dan menyelenggara semua tandas yang disenaraikan mengikut semua spesifikasi kebersihan dan penyelenggaraan dan mencapai kualiti kerja yang ditetapkan MPPD mengikut **Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam Kebangsaan bersama Manual Pembersihan Tandas Awam** berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar , Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil 4 Tahun 2017.
3. Menyediakan jadual pembersihan dan cucian pada setiap tandas dan diseliakan.
4. Menyediakan keperluan yang perlu dan keperluan tambahan seperti berikut:-
 - a) Sabun dan bekas sabun cecair
 - b) Tisu dan bekas tisu
 - c) Tong sampah & sanitari
 - d) Pewangi
 - e) Penyangkut pakaian & barang
 - f) Hiasan bersesuaian
 - g) Hos getah / hand spray pada setiap kubikel tandas
5. Menyenggara kawasan sekitar dan landskap dalam radius 3 meter di sekeliling bangunan tandas setiap bulan
6. Membersihkan surau bagi kawasan bilik mandi dan tandas yang mempunyai kemudahan surau setiap hari.

II. PENGURUSAN

1. Tidak dibenarkan untuk disewa atau dipajakkan kepada pihak ketiga.
2. Mematuhi sebarang peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan atau mempunyai sebarang tambahan dan pindaan syarat kontrak.

3. Menyediakan papan tanda makluman yang lengkap mengenai operator serta papan-papan tanda petunjuk arah, simbol dan poster yang berkaitan.
4. Menugaskan pekerja dan mengemukakan senarai nama pekerja mengikut lokasi bekerja serta membekalkan pakaian seragam serta tanda nama.
5. Mempunyai pejabat urusan untuk dihubungi oleh MPPD.
6. Melantik seorang penyelia sepenuh masa hadir ke Jabatan Perbandaran Kesihatan dan Persekutaran MPPD untuk perbincangan laporan kerja dan aduan atau kerosakan.
7. Menyediakan dan menghantar laporan ringkas mengenai penyenggaraan dan pemberian tandas yang telah dilakukan kepada pihak Majlis pada setiap bulan.
8. MPPD berhak menambah atau mengurangkan bilangan tandas seperti yang disenaraikan dan perubahan harga adalah mengikut ketetapan harga sedia dan dipersetujui oleh MPPD dan operator dengan mengambil kira kadar harga semasa.
9. MPPD berhak membatal dan menamatkan perkhidmatan semasa tempoh percubaan atau kontrak sekiranya gagal melaksanakan pengurusan, pembersihan dan penyenggaraan dengan sempurna sehingga memuaskan hati MPPD.
10. Membayar sepenuhnya bil penggunaan air dan elektrik tandas. Sekiranya bil tersebut dibayar oleh MPPD, MPPD berhak menuntut balik amaun yang telah dibayar melalui tuntutan kepada operator.
11. Pihak operator boleh mengenakan bayaran kutipan di tandas-tandas tersebut berpandukan kepada kadar yang ditetapkan seperti berikut:-

Bil	Perkhidmatan	Kadar yang dibenarkan (maksimum)
1.	Mandi	RM 1.00
	Tandas	RM 0.50

12. Tandas mesti beroperasi setiap hari seperti waktu berikut :

Jenis Tandas	Waktu operasi	
	Setiap hari	Jumaat, Sabtu, Ahad , cuti sekolah dan Cuti umum
Tandas dan Bilik Mandi di kawasan Pantai Pelancongan	7.30 pagi hingga 9.00 malam	24 jam
Tandas Awam Pasar	6.00 pagi - 4.00 petang	6.00 pagi - 4.00 petang
Tandas Awam Medan Selera	8.00 pagi - 12.00 malam	8.00 pagi - 12.00 malam
Tandas awam Taman Komuniti	7.30 pagi - 8.00 malam	7.30 pagi - 12.00 malam
Tandas Perhentian Teksi/Bas	7.30pagi - 10.00 malam	7.30 pagi - 10.00 malam

13. Sebarang perubahan waktu operasi perlu mendapatkan kebenaran bertulis pihak MPPD.

14. Memasang notis yang cukup dan sesuai sekiaranya tandas ditutup atas masalah teknikal dengan kebenaran pihak MPPD

15. Mematuhi lain-lain syarat yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

III. PENYELENGGARAAN

1. Kos penyedutan tangki najis adalah tanggungjawab operator dan pihak Majlis berhak mengarahkan kontraktor menyedut dan membersihkan enapcemar di mana-mana tangki tandas yang dipertanggungjawabkan.
2. Selenggaraan yang ditanggung oleh pihak Majlis adalah seperti berikut:-
 - a) Kerosakan pada struktur utama bangunan.
 - b) Saluran air yang pecah di dalam dinding atau bawah tanah.
 - c) Kerosakan pada keseluruhan sistem kumbahan / septik.
3. Mematuhi lain-lain syarat yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

IV. PEMBAIKAN KEROSAKAN

Sebarang kerosakan bagi setiap alatan adalah dibawah tanggungjawab operator. Ini termasuk yang telah siap dibina (build in) serta selenggaraan seperti dibawah, pihak operator hendaklah membaiki atau mengantikannya dengan segera supaya boleh digunakan setiap masa.

1. Kerosakan yang memerlukan kos RM1000.00 ke bawah bagi setiap kerosakan adalah di bawah tanggungan pihak operator, manakala kerosakan yang memerlukan kos RM1000.00 ke atas adalah tanggungan pihak Majlis.
2. Sekiranya pihak operator gagal melakukan pembaikan dalam tempoh 30 hari setelah kerosakan dikenalpasti, maka pihak Majlis boleh melakukan kerja-kerja pembaikan tersebut dan pihak operator akan dicaj dua kali ganda kos kerja tersebut atau dikenakan denda.
3. Mematuhi lain-lain syarat yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.